


Acanthosaura titiwangsaensis

Famili : Agamidae
Genus : *Acanthosaura*
Spesies : *Acanthosaura titiwangsaensis*

Acanthosaura titiwangsaensis mempunyai ciri kepala berbentuk segi tiga, bermuncung pendek dengan saiz mata yang sederhana besar. Penemuan kali pertama direkodkan adalah di Cameron Highlands, Pahang oleh kumpulan penyelidik daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) membuat kajian berkaitan heptofauna sewaktu Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Pergunungan Cameron Highlands, Pahang diadakan pada tahun 2008. Mengikut kajian, panjang maksimum untuk spesies jantan dewasa boleh menjangkau ke 118.4 mm, manakala bagi spesies betina dewasa boleh mencapai sehingga 112.7 mm. Warna sisik *Acanthosaura titiwangsaensis* amat menarik dimana dua pertiga warna ekor adalah hitam ke perang gelap, manakala badannya mempunyai tompok kekuningan hijau yang dikelilingi oleh warna kelabu dan ini membezanya dengan spesies yang lain.





Famili : Agamidae
Genus : Acanthosaura
Spesies : *Acanthosaura titiwangsaensis*